

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(51)

Tarikh : 29 September 1999

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan, Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan
Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 8 TAHUN 1999
PENYELEWENGAN PENGESAHAN DI PESANAN KERAJAAN**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Berikutan dengan pemerhatian pejabat ini, adalah didapati beberapa jabatan tidak melaksanakan pengesahan bekalan di Pesanan Kerajaan dengan sempurna dan tepat. Amalan-amalan yang sering tidak dipatuhi oleh jabatan/agensi antaranya adalah seperti berikut:

- 2.1 Jabatan/agensi tidak membuat catatan bekalan yang dibeli.
- 2.2 Jabatan/agensi mengesahkan sesuatu bekalan/perkhidmatan tanpa mengambilkira spesifikasi bekalan/perkhidmatan telah diikuti sepenuhnya oleh syarikat.
- 2.3 Jabatan/agensi tidak menitikberatkan kuantiti barang-barang yang diterima di mana kuantitinya berbeza dengan catatan di Pesanan Kerajaan.
- 2.4 Jabatan/agensi membuat pengesahan penerimaan di Pesanan Kerajaan, namun begitu barangan yang diterima disimpan di tempat lain dan bukan di stor jabatan.
- 2.5 Jabatan/Agensi membuat pengesahan penerimaan barang yang berlainan daripada apa yang tercatat di Pesanan Kerajaan.

3. Sehubungan dengan ini, amalan-amalan tersebut hendaklah dielakkan dan diberhentikan. Sekiranya pejabat ini mendapati masih ada lagi Jabatan/ Agensi yang mempraktikkan amalan ini, pejabat ini tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

4. Di atas perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini, saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.